

17/11/1998

Filipina akui perbicaraan Anwar telus

KUALA LUMPUR, Isnin - Filipina mengakui perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim bersabit kes rasuah dan salah laku seks, dikendalikan dengan telus dan mengikut lunas undang-undang.

Menteri Luarnya, Domingo L Siazon, berkata perbicaraan selama dua minggu sehingga dihentikan sementara Jumaat lalu itu, jelas membuktikan bekas Timbalan Perdana Menteri itu mendapat keadilan menerusi sistem kehakiman.

"Perbicaraan berjalan dengan baik dan mengikut undang-undang. Ini yang kita minta selama ini iaitu keadilan dan Kerajaan Malaysia sememangnya mematuhi keperluan ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mengiringi Presiden Filipina, Joseph Estrada, mengadakan perbincangan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), hari ini.

Sambil menjelaskan isu Anwar tidak dibangkitkan dalam pertemuan kedua-dua pemimpin itu, Siazon berkata kenyataan Estrada mengenai kes itu sebelum ini adalah pandangan peribadi dan membabitkan laporan mengenai kecederaan Anwar.

Menurutnya, masyarakat dunia, khususnya kerajaan dan rakyat Malaysia harus faham pandangan Estrada itu adalah pandangan peribadi beliau dan bukan bagi pihak Kerajaan Filipina.

"Memang bukan hasrat Filipina untuk campur tangan dalam masalah dalaman Malaysia. Kita perlu lihat dalam konteks apa pendapat itu dibuat.

"Pertama, ia adalah pandangan peribadi dan kedua, ia berlaku ketika Anwar dilihat mengalami kecederaan ketika dalam tahanan.

"Selepas itu, sekali lagi kita perlu teliti apa yang berlaku. Kerajaan Malaysia kemudiannya membebaskan Anwar daripada tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Ini satu perkembangan baik, malah Dr Mahathir juga mengarahkan satu siasatan dijalankan berhubung dakwaan Anwar bahawa beliau dikasari polis ketika dalam tahanan," katanya.

Siazon bagaimanapun berkata, rasa puas hati kerajaannya itu tidak bermakna Estrada tidak lagi mengambil berat terhadap kes Anwar.

Menurutnya, Estrada tetap mengambil berat tetapi yakin Kerajaan Malaysia memberi perbicaraan yang adil kepada Anwar.

Katanya, keadaan itu jelas dapat dilihat daripada ketelusan laporan mengenai perbicaraan itu di mahkamah.

(END)